

152  
NO SOALAN :461

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini berkenaan projek EAST COAST RAIL LINE (ECRL) dari segi kos dan faedah dari pinjaman serta adakah projek ini akan memberi kebaikan dan keuntungan kepada negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan projek infrastruktur nasional menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang, dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Keseluruhan pembinaan Projek ECRL sepanjang 688.3km yang

melibatkan Fasa Pertama dan Kedua dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya secara serentak pada penghujung suku kedua tahun 2024.

Kos pembinaan Projek ECRL sebanyak RM55 bilion membabitkan 85% pembiayaan melalui Pinjaman Mudah (*Soft Loan*) daripada *China EXIM Bank* dan baki 15% pula dibiayai melalui program sukuk/bon yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan Tempatan. Struktur pembiayaan ini dilihat dapat memberikan penjimatan yang signifikan ke atas kadar bayaran faedah/kupon iaitu 3.25% bagi pinjaman mudah manakala kupon untuk terbitan sukuk pula akan ditentukan berdasarkan pasaran semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek ECRL dilihat mampu memberi kebaikan dan keuntungan kepada kepada rakyat dan negara terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Dianggarkan semasa

tempoh puncak projek sahaja iaitu pada tahun 2019, pekerja tempatan yang bakal terlibat secara langsung dengan projek ECRL adalah berjumlah lebih kurang 10,000 orang.

Hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan yang terlibat juga dijangka akan melonjak naik. Begitu juga dengan produktiviti dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik yang bakal menjana hasil pendapatan yang positif dan memberangsangkan. Selain itu, kerja-kerja civil dalam pembinaan rel serta pembangunan koridor di sekitar jajaran projek secara langsung akan melibatkan kontraktor-kontraktor serta syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, impak ekonomi yang positif ini dijangka berpotensi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negeri-negeri Pantai Timur sebanyak 1.5%.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun objektif utama projek ECRL adalah sebagai penambahbaikan kepada sistem perhubungan dalam negara yang lebih efisien dan meningkatkan kesalinghubungan di antara wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, namun begitu

pelaksanaan projek ECRL juga berupaya meningkatkan taraf hidup serta ekonomi rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.